

## Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

---

**From:** UUM College of Arts and Sciences  
**Sent:** Monday, 21 January, 2013 2:26 PM  
**To:** UUM - All Staff; UUM - All Students  
**Cc:** Dr. Azman B Yasin; Dr. Massudi bin Mahmuddin; Mohd Fairus Bin Abd Majid; Azhar B Jamil  
**Subject:** BENGKEL PEMANTAPAN MAJLIS TERTINGGI & PERANCANGAN ALMANAK 2013 UUM CAS



PEJABAT PEMBANGUNAN PELAJAR DAN ALUMNI  
Student Development & Alumni Office  
*College of Arts and Sciences*  
**Universiti Utara Malaysia**

21 JANUARI 2013 / 9 RABIULAWWAL 1434H

=====  
"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"  
(*THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY*)

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,





PEJABAT PEMBANGUNAN PELAJAR DAN ALUMNI  
Student Development & Alumni Office  
College of Arts and Sciences  
**Universiti Utara Malaysia**

## BENGKEL PEMANTAPAN MAJLIS TERTINGGI & PERANCANGAN ALMANAK 2013 UUM CAS

**P**ejabat Dekan Pembangunan Pelajar & Alumni, UUM CAS (PPA UUM CAS) telah mengadakan Bengkel Pemantapan Majlis Tertinggi & Perancangan Almanak 2013. Bengkel tersebut telah dihadiri seramai 80 peserta yang terdiri daripada Ahli Majlis Tertinggi beserta Pengerusi setiap persatuan pelajar yang terdapat di UUM CAS. Program ini telah berlangsung selama 3 hari 2 malam bermula dari 17 hingga 19 Januari 2013, bertempat di Swiss-Inn, Sungai Petani.

Pada program tersebut ahli Majlis Tertinggi dan Pengerusi Persatuan Pelajar di dedahkan kepada fungsi dan peranan yang dimainkan oleh PPA UUM CAS, kaedah penulisan berimpak, amalan pengurusan kewangan berhemah, AUKU, kemahiran insaniah serta perancangan almanak bagi tahun 2013. Dalam ucapan perasmian bengkel tersebut, Dekan PPA UUM CAS Dr. Azman Yassin menyarankan agar para pelajar dapat menghasilkan aktiviti berimpak tinggi yang melibatkan penyertaan pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Beliau juga menyeru agar persatuan pelajar berusaha untuk mendapatkan penajaan daripada pihak luar tanpa perlu bergantung kepada PPA UUM CAS semata-mata. Setiap kelab atau persatuan pelajar perlu melaksanakan sekurang-kurangnya 1 persatuan dengan 1 projek yang berimpak tinggi. PPA UUM CAS menetapkan sasaran agar setiap persatuan perlu melaksanakan 20 aktiviti.

Disamping itu, beliau menegaskan betapa perlu bagi setiap persatuan pelajar melaksanakan aktiviti *softskill* seperti program yang melibatkan penguasaan komunikasi yang berkesan terutama dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu. Dalam pada masa yang sama beliau berharap agar persatuan pelajar perlu melibatkan para pensyarah dalam menjayakan sesuatu program, ini bagi memastikan program yang dilaksanakan menghasilkan impak yang tinggi dan seterusnya memberi sumbangan samada diperingkat nasional dan antarabangsa.

=====

Pejabat Dekan Pembangunan Pelajar & Alumni  
UUM College of Arts & Sciences  
Tel: 04-928 3868      Faks: 04-928 6494  
Emel:cas-sadc@uum.edu.my

=====



**Tidak perlu dicetak e-mel ini kecuali benar-benar perlu.  
(Please don't print this e-mail unless necessary)**

---

Disclaimer:

This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.